



# Perutusan Tahun Baru 2004




UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



**Y. Berbahagia Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah**  
**Naib Canselor**  
**Universiti Teknologi MARA**

Pada Rabu, 14 Januari 2004  
Pukul 3.00 petang

di  
Dewan Sri Budiman  
Universiti Teknologi MARA  
Shah Alam



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

# Perutusan Tahun 2004

*Yang Berusaha  
Timbalan-Timbalan Naib Canselor*

*Para Pengurusan Kanan Universiti*

*Yang Dikasihi  
Yang Dipertua MPP, Saudara Saiful*

*Ketua-Ketua Jabatan*

*Ketua-Ketua Bahagian*

*Semua Staf*

*Mahasiswa-mahasiswa yang dihormati sekalian*

Assalamualaikum WarahmatuLlahi Wabarakatuh, dan salam Sejahtera

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah dan izin-Nya, kita dapat berkumpul bersama-sama dalam Majlis Perutusan Tahun 2004 ini. Saya mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua warga universiti ini yang sedang berkhidmat di dalam sistem UiTM di seluruh tanah air. Saya berdoa semoga tahun baru ini akan memberi lebih banyak kejayaan dan kecemerlangan kepada kita, selaras dengan segala usaha dan langkah yang kita telah ambil sekian lama. Dengan demikian, tujuan utama kita untuk memartabatkan bangsa kita di persada tertinggi di dalam dan seluruh dunia, dapat dipenuhi dengan berkesan dalam tempoh terdekat, InsyaAllah.

Dan bagi memastikan kita berupaya menterjemahkan wawasan dan falsafah kita itu menjadi tindakan yang konkrit maka kita telahpun menetapkan bahawa misi kita adalah untuk “Mempertingkatkan **keilmuan dan kepakaran** bumiputera dalam semua bidang menerusi **penyampaian program profesional, penyelidikan** serta penglibatan **khidmat masyarakat** yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan”.

Saya benar-benar yakin bahawa itu adalah komitmen kita yang telah kita tegaskan berkali-kali tanpa kompromi. Ini merupakan ikrar dan janji yang telah kita mantapkan secara kolektif, secara bersama-sama dalam usaha dan strategi pemikiran kita untuk mengharungi masa depan dengan cara dan kepercayaan yang lebih menyakinkan, InsyaAllah.

## KECEMERLANGAN PENDIDIKAN TINGGI

Warga universiti sekalian yang saya kasihi,

**S**aya telah katakan bahawa, secara kolektif, kita telah memahat ikrar dan meneguhkan janji betapa kita akan membangunkan universiti ini bersama-sama, tidak kira walau apapun halangan dan dugaan yang mendepani kita. Wajar diingat bahawa kita dianggap sebagai ‘benteng terakhir’ yang memartabat keunggulan dan kegemilangan bangsa yang berjaya. Dengan kata lain, kita adalah pewaris tanah air yang bertanggungjawab dalam menentukan bangun dan jatuh serta maju atau mundurnya bangsa. Dari semasa ke semasa, kita diharapkan menjadi model bangsa berjaya.

Pada setiap masa, segala tindak-tanduk kita, perilaku kita, malah gerak-geri kita diperhatikan oleh masyarakat. Kesedaran, perpaduan, dan kesungguhan kita memperjuangkan nasib bangsa menjadi penentu dalam memastikan anak-anak didik kita berjaya dengan cemerlang dalam semua bidang. Tujuan pendidikan antara lainnya adalah untuk melahirkan manusia yang serba cekap dan bijaksana dalam menzahirkan pemikiran kepada bentuk-bentuk tindakan yang cermat dan berhikmah. Sekaligus, mereka diharapkan dapat memanfaatkan unsur lain - individu, bangsa, agama dan negara - moga-moga kesejahteraan dapat disampaikan kepada seluruh umat manusia.

## PENSTRUKTURAN UiTM

Dari semasa ke semasa, cabaran dan dugaan yang kita hadapi kelihatannya tidak berkesudahan. Perubahan adalah sesuatu yang lumrah dalam kehidupan. Sama ada kita memilih untuk menyukainya ataupun tidak, perubahan akan tetap tercetus. Lalu, apa yang pasti, kita perlu menetapkan matlamat. Adakah kita reda untuk membiarkan universiti ini hanyut dalam arus deras perubahan global, atau mungkinkah kita rela hanya sekadar menjadi pemerhati dan berpuashati dengan apa yang kita ada pada hari ini? Ini merupakan persoalan paling penting dan relevan pada masa ini. Dan persoalan ini perlu dijawab bukan sahaja oleh saya, selaku Naib Canselor secara bersendirian, malah semua warga UiTM, staf dan pelajar, mempunyai tanggungjawab untuk menangani persoalan besar dan signifikan ini.

Hari ini, kita berhadapan dengan pelbagai senario sama ada di peringkat nasional mahupun di peringkat global. Isu-isu pendidikan, ekonomi, politik, sosial serta siri-siri perubahan yang dicetuskan dalam setiap komponen itu sentiasa sahaja membuatkan kita perlu berfikir sebagai strategis. Setiap senario semasa mengandungi elemen-elemen cabaran, persaingan dan perubahan. Sebagai sebuah universiti, tugas dan tanggungjawab kita adalah untuk menanggung amanah rakyat. Harapan yang disandarkan kepada kita sentiasa meninggi dan terus bertambah. Sebagai warga universiti ini, kejayaan kita mengurus kesemua isu ini dengan berkesan merupakan pencapaian paling gemilang yang termampu kita impi dan doakan.

Maka, sebagai mempersiapkan landasan yang mantap, kukuh dan menyakinkan untuk melancarkan perjalanan universiti ini, agenda penstrukturan UiTM dilaksanakan setelah melalui pelbagai peringkat secara kolektif yang menyaksikan penyertaan hampir-hampir kesemua jabatan dan bahagian.

Dimulakan seawal tahun 2001, bertolak daripada **21 Strategi Pengukuhan**, penstrukturan UiTM mengambil kira pelbagai pertimbangan penting. Dasarnya adalah untuk menjadikan universiti ini sebagai universiti bertaraf dunia. Berkaitan dengan itu, UiTM melihat usaha-usaha penstrukturan sebagai meliputi dua komponen besar, iaitu **fizikal** dan **kemanusiaan**.

kebangsaan manakala para pelajar kita pula memenangi first runners-up di Mainz, Germany, kejayaan yang merupakan kejayaan gilang-gemilang di peringkat dunia.

Melalui Agenda Penstrukturan UiTM, warga universiti ini menyaksikan bagaimana komponen akademik disusun semula secara strategik. Daripada 22 buah fakulti yang ada di sini, kita kelompokkan kepada tiga gugusan yang utama, iaitu: (1) Gugusan Sains & Teknologi; (2) Gugusan Pengurusan & Perniagaan; dan (3) Gugusan Sains Sosial & Kemanusiaan.

Penstrukturan semula ini membuka jalan kepada kita untuk lebih menghargai dan mengiktiraf pengkategorian ilmu dengan cara yang lebih bermakna. Pendemokrasian pendidikan - melalui penawaran kursus-kursus secara major dan minor umpamanya - memberi peluang kepada para pelajar untuk meneroka pelbagai maklumat dan ilmu menurut minat dan kecenderungan mereka.

Aspek pentadbiran dan pengurusan akademik dapat diperbaiki dan dipulihkan dengan cara yang baik, tersusun dan cekap. Bukan sahaja kita menitikberatkan sistem dan teknologi, malah kita mengambil kira dan meletakkan keutamaan terhadap "manusia" sebagai komponen terpenting dalam melakukan perubahan di universiti ini.

Ini sejajar dan sealiran dengan pendekatan universiti yang holistik apabila segala usaha untuk menstruktur universiti ini dibuat dengan paduan yang amat cermat antara falsafah mesra berteraskan "Mesra Insan, Mesra Ilmu dan Mesra Alam". Sambil mengutamakan perhubungan langsung antara kita, sesama manusia dengan makhluk lain di alam sekitar, kita memberi keutamaan sewajarnya terhadap komponen pertalian kita dengan Pencipta secara langsung.

Bersandarkan kepada kenyataan itulah maka pada tahun 2004 ini, saya telah menyatakan dengan jelas betapa kita perlu menumpukan sepenuh perhatian dan tenaga ke arah "**Memantapkan Pentadbiran dan Perkhidmatan Berkualiti, Berintegriti dan Berakauntabiliti**". Perkhidmatan yang kita berikan bukan sahaja terbaik dan cemerlang untuk kepuasan pelanggan tetapi mestilah juga berdasarkan kepada ciri-ciri seperti bersih, cekap, amanah serta menekankan kepada konsep integriti dan akauntabiliti. Sifat-sifat curang, menyeleweng, rasuah, tidak

## PENUTUP

Warga universiti yang saya hormati dan kasihi,

**S**epertimana tuan-tuan dan puan-puan sendiri boleh saksikan, dari sehari ke sehari, universiti kesayangan kita ini mencatat kejayaan demi kejayaan. Setiap komponen universiti kita, baik dari segi fizikal mahupun kemanusiaan, ikut menyumbang dalam cara dan bentuk masing-masing.

Mahasiswa kita memberi sepenuh kepercayaan mereka kepada kita, juga kepada kerajaan. Melewati empat musim pilihanraya kampus secara berturut-turut, mereka memberi sokongan seratus peratus serta mandat sepenuhnya kepada kerajaan kita. Tidak ada isu kemahasiswaan yang tidak dapat kita selesaikan. Semuanya dilakukan secara baik dan berhemah. Saya berterima kasih banyak kepada para mahasiswa sekelian. Mereka adalah yang terbaik. Atas sebab itulah maka kerap kali saya menegaskan supaya mahasiswa perlu diberi penghormatan selayaknya, dan bukannya dianggap sebagai anak-anak kecil yang hanya menjadi tempat untuk kita persalahkan setiap kali timbulnya konflik atau isu.

Staf - sama ada mereka terdiri daripada kumpulan akademik ataupun bukan - tentu sahaja merupakan antara tenaga penting yang menggerakkan universiti ini. Saya ucapkan terima kasih kepada mereka atas kesabaran kerana menunggu hasil terbaik daripada usaha pentadbiran universiti ini secara holistik. Kegigihan, semangat berpasukan, serta sokongan padu yang saya terima selama ini tentu sahaja tidak dapat saya balas hanya dengan ungkapan "Terima kasih". Saya percaya hanya Allah SWT sahaja yang mampu membalas seadil-adilnya.

Begitu juga dengan sokongan dan kerjasama baik kesatuan-kesatuan dalaman universiti. Saya berterima kasih sesungguhnya kepada mereka kerana memahami dan menghayati aspirasi dan wawasan universiti ini tanpa terlalu mementingkan diri sendiri. Mereka bekerja bersama-sama saya. Mereka memikul masalah bersama-sama saya. Dan yang lebih mengharukan, mereka sentiasa memberikan motivasi dan galakan yang amat menyenangkan saya dalam tugas-tugas harian.



Hadirin sekalian,

Insyallah, sehari dua lagi, mohon diizinkan Allah SWT, saya serta isteri akan berangkat untuk menyahut panggilan Baitullah. Maka, izinkan saya mengambil kesempatan terluang ini untuk memohon maaf sekiranya saya pernah - mungkin sama ada secara sedar ataupun tidak - telah melakukan kesilapan yang menyinggung perasaan tuan-tuan dan puan-puan. Mungkin ada antara tuan-tuan dan puan-puan yang berkecil hati dengan saya. Saya harus akui, bahawa sebagai ketua atau pemimpin, saya perlu mengambil kira dan mempertimbangkan semua perkara sebelum membuat sebarang keputusan atau penyelesaian. Dengan itu, tentu sahaja saya tidak mempunyai banyak peluang dan ruang untuk menyukakan hati setiap orang yang bekerja atau belajar di universiti ini.

Namun, seperti yang saya sering tegaskan, saya melakukan sesuatu apabila niat saya cukup jelas dan ikhlas. Saya fikir itu mencukupi untuk mewajarkan saya melakukan tindakan sebaik-baiknya.

Bersempena tahun baru 2004 ini, marilah bersama-sama saya, kita padukan niat, azam, dan kesungguhan jiwa dan tenaga fizikal, untuk berusaha lebih keras ke arah membangunkan universiti ini sebagai universiti yang paling baik dan paling menyenangkan untuk kita diami. Kecemerlangan universiti ini pada hari ini, esok dan masa-masa yang mendatang, banyak bergantung kepada usaha dan kesungguhan kita sendiri.

Dengan berkat niat, keazaman, sokongan dan kerjasama kita semua, saya ucapkan selamat bertugas, berkhidmat, dan belajar dengan penuh ikhlas, secara berkualiti, berintegriti dan berakauntabiliti demi menjadikan universiti kita sebuah universiti bertaraf dunia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

*Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Sekian, terima kasih.

**Ketiga**, mempunyai tenaga pengajar yang mempunyai kepakaran dan kelayakan yang diiktiraf mengikut piawai antarabangsa serta mempunyai latihan peninggian keprofesionalan yang berterusan.

**Keempat**, memastikan program-program akademik universiti ini mendapat pengiktirafan daripada badan-badan profesional.

**Kelima**, memastikan supaya graduan kita diiktiraf tanpa berbelah bagi oleh pihak industri dan majikan.

**Keenam**, mempunyai sumber kewangan dan sumber manusia yang lebih daripada mencukupi untuk menyokong dan memupuk daya kecemerlangan akademik.

**Ketujuh**, mengamalkan governans yang cekap berdasarkan peranan dan tanggungjawab yang jelas, cekap dan telus.

**Kelapan**, mempunyai sumber dan persekitaran pendidikan yang kondusif termasuk perpustakaan, teknologi ICT serta kemudahan penyelidikan yang mantap.


**Kesembilan**, mempunyai dasar, prosedur serta mekanisme penilaian yang berterusan bagi menjamin kualiti akademik, struktur governans dan program pengajian supaya sentiasa berada di tahap yang terbaik. Ini melibatkan maklum balas dari pelajar, graduan, masyarakat, majikan, agensi pendidikan, kerajaan serta badan-badan profesional.

**Kesepuluh**, memastikan pencapaian yang tertinggi di kalangan pelajar dan staf dalam aktiviti-aktiviti akademik di dalam dan di luar negara.

Dan **kesebelas**, mengasaskan dan mengukuhkan jalinan dan interaksi akademik dengan industri dan universiti dalam dan luar negara.

Dengan memikirkan rasionaliti strategi dan tindakan bersistematik yang kita telah susun seawal tahun 2001 itu, maka kesemua ukuran dan tindakan yang kita telah kenalpasti itu diharapkan dapat memacu kita untuk menjadikan universiti ini sebagai universiti berkelas dunia menjelang tahun 2006 kelak, InsyaAllah.

# Peristiwa-peristiwa Sepanjang Tahun



# Majlis Perutusan Naib Canselor Tahun Baru 2004



♦ *Tarikh*  
14 Januari 2004 (Rabu)

♦ *Masa*  
3.00 petang

♦ *Tempat*  
Dewan Sri Budiman, UiTM



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

# Sedutan Ucapan Perutusan Tahun Baru 2004



Bersempena tahun baru 2004 ini, marilah bersama-sama saya, kita padukan niat, azam dan kesungguhan jiwa dan tenaga fizikal, untuk berusaha lebih keras ke arah membangunkan universiti ini sebagai universiti yang paling baik dan paling menyenangkan untuk kita diami.

Kecemerlangan universiti ini pada hari ini, esok dan masa-masa yang mendatang, banyak bergantung kepada usaha dan kesungguhan kita sendiri.

Dengan berkat niat, keazaman, sokongan dan kerjasama kita semua, saya ucapkan selamat bertugas, berkhidmat dan belajar dengan penuh ikhlas, secara berkualiti, berintegriti dan berakauntabiliti demi menjadikan universiti kita sebuah universiti bertaraf dunia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

# Aturcara Majlis



## **3.00 petang**

- ♦ Ketibaan Staf

## **3.10 petang**

- ♦ Ketibaan Y.Bhg. Dato' Seri Naib Canselor

## **3.15 petang**

- ♦ Bacaan Doa

## **3.20 petang**

- ♦ Ucapan Perutusan Tahun Baru 2004  
oleh Y. Bhg. Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah,  
Naib Canselor UiTM

## **4.30 petang**

- ♦ Bacaan Doa Khas

## **4.35 petang**

- ♦ Bersurai

Idea@Rekagrafik  
Unit Informasi dan Penerbitan Korporat  
UiTM, Shah Alam